

'Tiada keperluan buat rombak Kabinet dalam masa terdekat'

BERITA HARIAN 02 JUN 2025

m/s: 4

Jawatan dikosongkan Rafizi, Nik Nazmi akan dipangku sementara menteri lain

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Hafizah Ahmad Jaafar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tiada keperluan mendesak untuk beliau membuat rombakan Kabinet dalam tempoh terdekat ini, walaupun dua menteri meletak jawatan, manakala seorang lagi mengumumkan keluar daripada parti asal.

Perdana Menteri berkata, dua kedudukan menteri yang bakal kosong ekoran peletakan jawatan Datuk Seri Rafizi Ramli sebagai Menteri Ekonomi serta Nik Nazmi Nik Ahmad sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, baru-baru ini, akan dipangku sementara menteri lain. Beliau menegaskan, kedudu-

kan Menteri Perdagangan, Pelaburan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, dalam Kabinet juga tidak terjejas, biarpun sudah mengumumkan keluar UMNO dan berhasrat menyertai PKR.


"Tengku Zafrul seorang menteri yang menjalankan tugas dengan sangat baik. Pelaburan kita, ratusan bilion banyak juga di kendali dengan usaha beliau, MATRADE, MITI dan kerajaan.

"Dalam soal ini, kedudukan (Tengku Zafrul sebagai) menteri itu tak terjejas, kita mahu beliau teruskan tugas kerana prestasinya sebagai menteri pelaburan baik dan negara memerlukan sumbangannya.

"Tiada keperluan mendesak untuk rombakan (Kabinet) sekarang. Dua menteri sudah meletak jawatan dan kita beri masa untuk mereka melakukan apa yang perlu. Sekarang mereka sedang ber-cuti. Saya luluskan permohonan cutinya.

"Saya tidak fikir ia sepatutnya begitu (rombakan dilakukan). Pada masa ini, urusan kerajaan berfungsi seperti biasa, seterusnya ini saya akan meminta menteri (lain) untuk memangku," katanya.

Beliau berkata demikian ditemui media pada Majlis Perasmian Penutupan Pesta Buku An-



Analisis Ke mana Tengku Zafrul selepas ini?

Keratan akhbar BH Ahad semalam.

tarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, semalam.

Spekulasi rombakan

Pada 28 Mei lalu, Pejabat Perdana Menteri mengesahkan, Perdana Menteri menerima surat permohonan cuti dan pengunduran daripada Kabinet daripada Rafizi dan Nik Nazmi sebelum bersejua meluluskannya selepas meneliti permintaan itu.

Spekulasi rombakan Kabinet hangat diperkatakan selepas pemilihan PKR kerana dua menteri berkenaan gagal mempertahankan jawatan masing-masing dalam parti itu, mendorong kedua-duanya mengumumkan peletakan jawatan dalam kerajaan.

Rafizi gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden PKR kepada bekas Ahli Parlimen Per-

matang Pauh, Nurul Izzah Anwar, manakala Nik Nazmi gagal mempertahankan kedudukan sebagai Naib Presiden.

Susulan keputusan pemilihan PKR itu, muncul beberapa nama pemimpin PKR yang disebut-sebut bakal mengisi kuota menteri yang dikosongkan itu, termasuk dua Naib Presiden, iaitu Datuk Seri Amirudin Shari dan Datuk Seri R Ramanan.

Amirudin adalah Menteri Besar Selangor yang juga Ahli Parlimen Gombak, sementara Ramanan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Dua lagi penyandang Naib Presiden PKR, Chang Lih Kang adalah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sementara Datuk Seri Aminuddin Harun adalah Menteri Besar Negeri Sembilan.

Pada Jumaat lalu, Tengku Zafrul mengumumkan keputusannya meletakkan jawatan sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) dan Ketua UMNO Bahagian Kota Raja sambil memaklumkan hasratnya menyertai PKR.

Beliau memberi alasan keputusan keluar daripada UMNO yang disertainya sejak 1997 itu dibuat selepas bermuhasabah diri dan mengambil kira pelbagai faktor, terutama faktor kesera-

sian dan kesesuaian.

Anwar yang juga Presiden PKR, menyatakan perbincangan akan diadakan di antara beliau dengan kepimpinan parti gabungan dalam kerajaan, khususnya UMNO berhubung permintaan Tengku Zafrul untuk menyertai PKR.

Pada masa ini, katanya Tengku Zafrul perlu diberi ruang dan masa untuk fokus kepada ibadah haji.

"Sekarang dia memilih untuk memohon (sertai PKR). Kita belum bincang apa-apa pun, biar dia menunaikan fardu haji. Jadi biar dahulu, tak payah umpamanya tafsiran yang kurang sihat.

"Orang ambil keputusan (keluar parti), kita hormatlah keputusannya, tetapi bagi pihak Keadilan (PKR) tentulah kita kena bincang dengan rakan-rakan dan fikirkan sebaiknya," katanya.

Menyentuh tuntutan UMNO supaya kedudukan menteri yang dipegang Tengku Zafrul dipulangkan kepada parti itu dan Barisan Nasional (BN), Anwar menjelaskan, hal berkenaan akan dibincangkan beliau bersama pimpinan parti itu.

"(Dengan) Presiden UMNO (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi) pun tak bincang perkara ini, terlalu awal," katanya.